

Akademi Pak Sako sedia anjur debat Bajet 2012 Najib-Anwar
The Malaysian Insider
19 Oktober , 2011

KUALA LUMPUR, 19 Okt — Akademi Pak Sako bersedia untuk menjadi penganjur Debat Bajet 2012 antara Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 3 November ini.

Anwar mempelawa Najib, yang juga Menteri Kewangan, agar berdebat dengan beliau ekoran kenyataannya memperlekehkan belanjawan alternatif dikemukakan Pakatan Rakyat awal bulan ini.

Najib membentangkan belanjawan kerajaan pusat pada 7 Oktober lalu.

Dalam satu kenyataan dikeluarkan hari ini, Akademi Pak Sako berkata, surat jemputan rasmi akan dihantar kepada Najib dan Anwar Jumaat ini.

Kenyataan itu menambah, debat dirancang untuk diadakan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, di sini.

Katanya, Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat telah melancarkan belanjawan masing-masing dan ia merupakan satu perkembangan sihat kerana rakyat Malaysia berpeluang untuk menilai belanjawan yang lebih bermanfaat dan berupaya untuk melonjak kembali ekonomi negara yang kini semakin suram.

Sehubungan itu, Akademi Pak Sako berpendirian bahawa perdebatan berkaitan belanjawan sewajarnya berlangsung dalam keadaan yang sihat, terbuka dan kondusif.

"Perdebatan seperti ini akan memberi ruang yang adil kepada rakyat untuk menilai secara rasional dasar-dasar yang digarap demi kepentingan mereka," kata kenyataan itu lagi.

"Kami berharap kedua-dua tokoh ini bersedia untuk menerima undangan debat daripada pihak kami. Semoga debat ini berlangsung dengan baik dan berhemah demi manfaat dan kesejahteraan rakyat," katanya.

The Malaysian Insider
Copyright © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/akademi-pak-sako-sedia-anjur-debat-bajet-2012-najib-anwar/>